

PENTADBIRAN AGAMA DAN PENENTANGAN:  
SATU PENELITIAN TERHADAP HUBUNGAN  
MELAYU-INGGERIS DI TERENGGANU 1915-1939

Mohd. Sarim Haji Mustajab

Sebagaimana dengan Negeri-negeri Melayu yang lain, institusi pentadbiran agama di Terengganu turut sama mengalami perubahan dengan masuknya pengaruh Inggeris di negeri tersebut. Perkembangan institusi pentadbiran agama Terengganu boleh dikatakan jauh berbeda dari negeri-negeri yang berjiran dengannya seperti Pahang dan juga Kelantan. Sebab utama yang membezakan kedudukan pentadbiran agama di Terengganu ini adalah kerana hubungannya yang erat dengan perkembangan dan perlembagaan negeri itu. Malah ada pendapat menyatakan bahawa pejabat agama negeri Terengganu telah ditubuhkan sejak 1912, iaitu setahun setelah Perlembagaan 1911 digubal dan diisytiharkan.<sup>1</sup>

Namun begitu, sedikit sekali perubahan telah dilakukan kepada struktur institusi agama itu menjelang Perang Dunia Kedua. Ada pula pendapat yang menjelaskan bahawa kemajuan institusi agama itu tercabar dengan adanya campurtangan dari pegawai-pegawai Inggeris yang cuba melangkahi batas perjanjian yang telah ditandatangani antara kerajaan Inggeris dengan Terengganu. Di samping itu pula terdapat juga beberapa orang pegawai pentadbir Melayu di Terengganu yang bekerjasama dengan elit agama di negeri itu, yang telah cuba untuk mengekalkan hak orang Melayu dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam di negeri tersebut.

Memandangkan betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh institusi pentadbiran agama ini dalam mencorakkan sejarah negeri Terengganu, maka satu penelitian akan dibuat untuk melihat bagaimanakah institusi agama ini telah digunakan oleh Inggeris untuk melaksanakan pentadbiran serta pengaruh mereka di negeri itu.

---

<sup>1</sup> Lihat, Mamat Adam bin Taib, "Struktur dan Organisasi Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam Terengganu", Latihan Ilmiah untuk memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, 1970; Misbaha, "Sepintas Lalu Catitan Sejarah Pejabat Hal-Ehwal Ugama Islam Terengganu", *Suara Jabatan Ugama Islam Terengganu*, Bil. 5 dan 7, 1961.

Keterangan-keterangan bertulis yang ditemui sehingga kini menunjukkan bahawa pada tahun 1915, pentadbiran pejabat agama diterajui oleh seorang pegawai kerajaan yang digelar Pesuruhjaya Agama dan Keadilan yang pertama iaitu Seri Utama Raja Tengku Ngah bin Abdul Rahim.<sup>2</sup> Beliau telah dibantu oleh seorang Syeikul Ulama, seorang Mufti, dan beberapa orang Kadi dan Nazir al-Masjid. Tengku Ngah telah menjawat jawatan Pesuruhjaya Agama dan Keadilan dari 1915 hingga tarikh kemasukan Penasihat British ke dalam pentadbiran negeri pada tahun 1919. Beliau mempunyai hubungan yang erat dengan Sultan Zainal Abidin III bukan sahaja melalui pertalian darah di antara ayahnya Tengku Abdul Rahim<sup>3</sup> dengan baginda Sultan, tetapi menerusi perkahwinannya dengan Tengku Nik Maimunah,<sup>4</sup> iaitu puteri kedua Sultan Zainal Abidin III. Menerusi hubungan perkahwinan ini beliau telah dikurniakan kawasan wilayah Telemong. Tengku Ngah dianggap sebagai seorang tokoh muda yang telah memberikan sokongan kepada Sultan Zainal Abidin III dalam usaha baginda mempertahankan sistem pemerintahan tradisional daripada dikuasai oleh pihak British. Justeru itu, dari kacamata Agen British masa itu, Tengku Ngah telah dianggap sebagai seorang yang bersikap 'anti-British'. Dalam pergolakan politik menjelang tahun 1919 iaitu tarikh perantikan Penasihat British di Terengganu, Tengku Ngah pernah dianggap sebagai salah seorang waris bakal menggantikan Sultan Mahmud II yang telah meletakkan takhta pada tahun tersebut sepertimana yang telah disarankan oleh J. de V. Allen sebagai "heir-presumptive".<sup>5</sup> Ini menunjukkan bahawa Tengku Ngah merupakan seorang tokoh kerabat yang bukan sahaja berkebolehan tetapi mendapat kepercayaan dan sokongan dari kalangan anggota kerabat diraja Terengganu pada masa itu.

---

<sup>2</sup>Trengganu Directory, 1915, *The Straits Settlements Directory*, (SSD), hlm. 494.

<sup>3</sup>High Commissioner Office (HCO), 1337/1909, British Adviser Terengganu kepada Federal Secretary, the Federated Malay States (FMS), 8 September, 1909, encl. "Journal of British Ageng, Terengganu" 11 July to 30 August, 1909.

<sup>4</sup>Lihat J. de Vere Allen, "The Ancien Regime in Trengganu, 1909-1919", *Journal of the Malayan Branch*, p. 52. Juga lihat Shahril Talib, *After Its Own Image: The Trengganu Experience 1881-1941*, Singapore, Oxford University Press, 1984, hlm. XIX, The Family of Sultan Zainal Abidin III.

<sup>5</sup>*Ibid.*, "Heir-presumptive" di sini dimaksudkan sebagai waris yang berhak menaiki takhta kerajaan negeri Trengganu sewaktu menantikan rajanya layak menaiki takhta kerajaannya.

Kedudukan Tengku Ngah sebagai seorang pentadbir yang melaksanakan hal-ehwal agama dan keadilan boleh juga menunjukkan bahawa Pejabat Agama itu adalah suatu institusi pentadbiran yang amat penting dalam konteks pentadbiran undang-undang kerana ianya juga berkaitan dengan soal kehakiman, khususnya keadilan, walaupun sedikit sekali gambaran yang boleh ditemui mengenai pelaksanaan institusi pejabat agama di Terengganu sebelum 1930. Akan tetapi apabila laporan-laporan Agen British yang menyentuh soal-soal kehakiman dan keadilan diteliti, khususnya mengenai keadaan mahkamah di negeri Terengganu, laporan-laporan itu tidak secara langsung menyentuh mengenai peranan institusi pejabat agama. J.L. Humphreys misalnya melaporkan pada tahun 1915 mengenai apa yang dikatakannya sebagai "Joint Court"<sup>6</sup> merupakan sebuah mahkamah yang melaksanakan pentadbiran undang-undang Islam yang berlandaskan hukum-hukum Syarak dan Adat. Pihak British telah campur tangan dengan meletakkan Agen British sebagai Hakim Bersama dengan seorang Hakim Melayu. Selain daripada "Joint Court" terdapat juga institusi kehakiman yang dikenal sebagai *Mahkamah Balai*<sup>7</sup> dan *Mahkamah Syariah*<sup>8</sup>. Mahkamah Balai membicarakan kes-kes jenayah dan awam sedangkan Mahkamah Syariah pula mengendalikan kes-kes yang berhubung dengan agama Islam. Nampaknya Mahkamah Syariah mempunyai wakil atau *pleader* yang dikenali secara bertulis oleh pihak pendakwa atau pembela.

Menurut laporan C. Maxwell pada tahun 1916, segala perbicaraan atau ulangbicara yang dikenakan bayaran dilakukan di hadapan Tengku Ngah berserta Mufti di pejabat mereka<sup>9</sup>. Keputusan atau hukuman yang dijatuhkan oleh mereka ini dipersembahkan ke bawah duli Sultan untuk dimesyuaratkan dan dibincangkan dalam satu jawatankuasa terdiri dari pembesar-pembesar negeri yang dilantik oleh Sultan. Keputusan jawatan-

<sup>6</sup>HCO 731/1916, Encl. J.L. Humphreys, "The Annual Report of the British Agent," Trengganu, 1915.

<sup>7</sup>*Mahkamah Balai* ialah sebuah mahkamah yang diadili oleh Hakim Melayu. Pada tahun 1912, Hakim Wan Sulaiman telah menjadi hakim Mahkamah Balai. Kakitangannya terdiri dari empat orang kerani Melayu, Umar bin Mohamad Ali, Abdullah Haji Yusof, Abdul Rahim bin Yunus dan Tengku Muda bin Tengku Mustafa. Jurubahasa Cina ialah Lim Swee Ow. Lihat Trengganu Directory, 1913, SSD, hlm. 507.

<sup>8</sup>HCO 731/1916, C. Maxwell kepada H.C.O. 18 February, 1917, encl. "Annual Report Trengganu for the year 1334 H. (8 Nov., 1915 to 26 Oct., 1916)."

<sup>9</sup>*Ibid.*

kuasa tersebut diserahkan kembali kepada Sultan untuk disahkan.

Kurangnya laporan yang diterima mengenai perkembangan institusi Pejabat Agama dari sudut pandangan pihak British adalah disebabkan sebelum tahun-tahun 1920-an mereka kurang berminat dengan agama Islam dan mereka tidak berhasrat pada dasarnya untuk campurtangan dalam hal-ehwal yang berkaitan dengan agama Islam. Sebaliknya apa yang berlaku dalam bidang politik mendapat perhatian yang lebih dari pihak British, khususnya mengenai perkembangan di sekitar tahun-tahun 1918-19. Tahun 1918 memang merupakan tahun yang sukar bagi Sultan Zainal Abidin III sebagaimana yang telah dirumuskan oleh seorang penulis;

The last four years of Zainal Abidin's reign were a time of great difficulty for Trengganu . . . There were financial crises, race riots, and endless difficulties, arising out of the limited intervention of the British, which the Sultan had to solve without their aid if he wanted to avoid further intervention, but which he was personally ill-suited to deal with.<sup>10</sup>

Menyedari hakikat ini, tidak hairanlah sekiranya perkembangan institusi pentadbiran agama di Terengganu seolah-olah mengalami kebekuan dalam tahun-tahun akhir pemerintahan Sultan Zainal Abidin III.

Pada bulan November 1918, Yam Tuan Muda menaiki takhta kerajaan negeri Terengganu dengan gelaran Sultan Muhammad II tetapi baginda tidak mewarisi ciri-ciri kebijaksanaan ayahanda baginda. Tindak tanduk yang diambilnya banyak bercanggah dengan tradisi dan dasar yang telah diasaskan sebelumnya. Malah baginda telah melemahkan kedudukannya sebagai pemerintah dengan cara mengenenepikan penasihat-penasihat baginda bukan sahaja dari wakil British tetapi beberapa tokoh pemimpin agama sehingga baginda tidak disukai.<sup>11</sup> Akibatnya ramai penyokongnya berpaling tadah menyokong pihak British. Keadaan ini begitu ketara terutama pada tahun 1919 setelah perjanjian baru ditandatangani di antara pihak British dengan Sultan Muhammad II. Perjanjian 1919 telah mengurangkan kuasa dan pengaruh Sultan dalam hal-ehwal pentadbiran negeri. J.L. Humphreys telah menulis mengenai sebab baginda tidak disukai ramai dalam laporannya pada 2 Mac, 1919<sup>12</sup>. "It's the Sultan's avarice and viciousness

<sup>10</sup>J. de Vere Allen, "Sultan Zainal Abidin III," *Malaysia in History*, Vol. XII, No. 1, 1968, hlm. 10.

<sup>11</sup>Allen, "Ancien Regime", hlm 52.

<sup>12</sup>HCO 232/1919, J.L. Humphreys kepada Sec. H.C. Singapore, 3 March, 1919, encl. (1) Journal of the British Agent, Trengganu 1919.

that make him detested and feared by his subjects . . . I believe he has not a single friend in the State”.

Suatu hal yang menarik perhatian adalah bagaimana seorang wakil British yang sepatutnya tidak mengambil bahagian dalam hal-hwal agama telah melakukan sesuatu yang menampakkan perubahan dalam sistem pentadbiran agama khususnya Pejabat Agama Terengganu pada tahun 1919. Pada tahun itu juga atas cadangan Humphreys, Tuan Embong anak Sayid Abdul Rahman Tokku Paloh telah dilantik sebagai Syeikul Islam.<sup>13</sup> Tuan Embong pernah mengetuai Jabatan Agama Terengganu pada tahun 1913 menggantikan bapanya. Hasil dari perkahwinannya dengan puteri Sultan Zainal Abidin III, Tuan Embong telah dikurniakan suatu kawasan tanah di Ulu Terengganu.<sup>14</sup> Sungguhpun pihak British beranggapan bahawa Tuan Embong ialah seorang ‘pelampau agama’ tetapi perlantikannya sebagai Syeikul Islam<sup>15</sup> mungkin bertujuan untuk mendapatkan sokongan terhadap pemerintah yang baru itu.

Jawatan Syeikul Islam ialah suatu institusi yang diberikan kepada seseorang tokoh agama yang ahli dalam hukum dan perundangan Islam. Lazimnya Syeikul Islam ditugaskan untuk menghalusi fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti. Bagaimanapun ciri tugas ini bukanlah merupakan suatu tanggungjawab yang mutlak dan perbezaan tugas sering berlaku dari negeri ke negeri. Di Terengganu misalnya, sebelum gelaran Syeikul Islam diperkenalkan, gelaran yang dipakai ialah *Syeikul Ulama* yang telah disandang oleh Tokku Sayid. Pada masa itu peranan Syeikul Ulama lebih tinggi dari Mufti.<sup>16</sup>

Jawatan Pesuruhjaya Agama disandang oleh Tengku Ngah sehingga tahun 1919. Dengan pimpinannya beberapa peraturan baru di ketengahkan khususnya mengenai peraturan-peraturan pemungutan zakat, sistem pengajaran agama<sup>17</sup> dan juga mengenai

<sup>13</sup> Colonial Office (C.O.) 717/61, File No. 52432/28, J.L. Humphreys kepada Beckett, 22 April, 1922, encl. “Report on certain matters connected with one Haji Drahan of Trengganu,” 24 November, 1922. Baca M.C. Shepard, “A Short History of Trengganu,” *JMBRAS*, Vol. 22, Pt. 3, 1949, h. 1–74.

<sup>14</sup> Allen, “Ancien Regime,” hlm. 52.

<sup>15</sup> Perbezaan tugas sering berlaku dari negeri ke negeri. Di Terengganu misalnya, sebelum gelaran Syeikul Islam diperkenalkan, gelaran yang dipakai ialah Syeikul Ulama.

<sup>16</sup> Jawatan ini memang penting dan biasanya dipegang oleh seorang ahli kerabat diraja yang akrab.

<sup>17</sup> Setiausaha Kerajaan Terengganu, SUK. Trg. 690/1338, Pesuruhjaya Agama kepada Setiausaha Kerajaan, 22 Syaaban, 1339.

kehadiran di masjid untuk sembahyang fardu Jumaat. Di Terengganu jawatan Pesuruhjaya Agama dan Keadilan ini adalah jawatan pentadbiran yang tertinggi sekali yang bertanggungjawab menguruskan soal agama Islam. Segala keputusan yang dibuat oleh Pejabat Agama yang berada di bawahnya mengenai apa saja perkara yang berkaitan agama Islam hendaklah mendapat perhatiannya terlebih dahulu. Beliau bertanggungjawab kepada Sultan dan juga terpaksa memberi taklimat kepada pihak British.

Salah satu masalah pentadbiran agama yang dihadapi oleh pejabat agama adalah berkait dengan pelaksanaan peraturan-peraturan kutipan zakat. Pemungutan zakat melibatkan pegawai-pegawai masjid seperti imam, bilal dan khatib. Cadangan untuk melicinkan lagi pemungutan dan pembahagian zakat telah dikemukakan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 11 Zulkaedah, 1338 dan cadangan tersebut telah diluluskan.<sup>18</sup>

Pentadbiran negeri Terengganu juga mengalami kesukaran menguatkuasakan peraturan sembahyang Jumaat. Hakikat ini telah disedari oleh Pesuruhjaya Agama yang menulis kepada Setiausaha Kerajaan supaya pihaknya menggubal suatu 'muslihat' untuk menakutkan orang yang meninggalkan sembahyang istimewa sekali sembahyang Jumaat.<sup>19</sup> Pada 26 Zulhijah, 1338 suatu isytihar telah disebarkan kepada rakyat menyatakan sekiranya sesiapa didapati tidak menunaikan sembahyang Jumaat maka ia akan dihukum penjara selama tujuh hari, dirotan dua belas kali atau "direndam ke dalam air tidak lebih satu jam dengan yang layak padanya." Sekiranya seseorang itu uzur, maka keuzuran itu mestilah dilaporkan kepada polis dengan dua orang lelaki sebagai saksi yang mengesahkan kebenaran laporannya. Berkait dengan perkara di atas suatu *surat ittifak* atau persetujuan mesyuarat telah dikeluarkan melarang orang ramai keluar mencari ikan pada hari Jumaat kerana bekerja pada hari Jumaat boleh melalaikan sembahyang Jumaat.<sup>20</sup>

Pendidikan agama tidak diabaikan apabila beberapa orang guru agama dan juga guru al-Quran dilantik. Misalnya dua orang guru iaitu Haji Muhammad Ali bin Dato Setia dan Abdul Mubin telah dilantik sebagai guru agama dan bahasa Arab. Haji Ali bin Dato Kesum dijadikan guru besar al-Quran dan Haji Wan Ismail

<sup>18</sup>SUK. Trg. 281/13338, juga lihat Jabatan Menteri Besar, 165/138.

<sup>19</sup>SUK. Trg. 671/1338, Pesuruhjaya Agama kepada Setiausaha Kerajaan, 26 Zulhijah, 1338.

<sup>20</sup>Kerja di laut memakan masa sehari-hari dan sekiranya termasuk hari Jumaat, maka dikhuatiri mereka yang menjadi nelayan tidak dapat mengerjakan sembahyang fardhu Jumaat.

Khatib telah juga dijadikan guru al-Quran. Perkhidmatan mereka telah diasaskan kepada suatu skim gaji yang ditetapkan, guru agama dan bahasa Arab mendapat gaji \$1,200 setahun dan guru pelajaran agama sahaja mendapat gaji \$300 setahun.<sup>21</sup>

Pada tahun 1920, jawatan Pesuruhjaya Agama dan Keadilan telah disandang oleh Tengku Seri Bijaya (Muhammad atau Chik Ahmad) bin Tenku Long Pendekar. Tengku Seri Bijaya mempunyai pengalaman dalam hal-ehwal pentadbiran tanah dan apabila Pejabat Agama dan Keadilan diletakkan di bawah kawalan beliau, maka pentadbiran hal-ehwal agama dan tanah telah digabungkan. Beliau telah memegang jawatan Pesuruhjaya Agama hingga tahun 1928.

Sejak awal tahun-tahun 1920-an, masalah keagamaan nampaknya berhubungkait dengan soal perundangan dan pentadbiran tanah. Bersama-sama dengan Tuan Embong, beliau telah memainkan peranan penting untuk menyelesaikan masalah penentangan-penentangan kaum tani di Ulu Terengganu terhadap pelaksanaan pentadbiran agama dan tanah yang dipengaruhi oleh pihak penjajah British.<sup>22</sup>

Pimpinan pentadbiran agama di negeri Terengganu adalah di bawah kekuasaan aristokrasi tradisional. Sebenarnya di negeri Terengganu sejak tahun 1912, peranan yang dimainkan oleh Pesuruhjaya Agama adalah menyeluruh kerana beliau bukan saja mentadbirkan urusan agama tetapi juga boleh menjadikan seorang Hakim bersama-sama dengan Mufti di Mahkamah Ulang-bicara.<sup>23</sup> Di samping itu peranan golongan alim ulama seperti Syeikul Ulama (Syeikul Islam), Mufti dan pembantu-pembantu mereka sentiasa mengalami perubahan dari masa ke semasa mengikut perubahan pentadbiran dan kemampuan ekonomi negeri.

<sup>21</sup> Allen, "Ancien Regime", hlm. 52.

<sup>22</sup> Peristiwa penentangan ini akan dibincangkan dengan lanjut dalam konteks kegiatan pejabat agama seterusnya. Beberapa buah kajian lain turut sama membincangkan tentang penentang di Terengganu ini. Lihat misalnya Timah Hamzah, *Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981; Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kebangkitan Terengganu 1928: Satu Perbincangan mengenai beberapa Tokoh dan Peranan Mereka," *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Vol. 9, 1980, h. 55-73; H.A. Sutherland, "The Taming of the Trengganu Elite," dalam Ruth T. McVey, ed., *Southeast Asian Transitions: Approaches Through Social History*, New Haven, Yale University Press, 1978 dan Shahril Talib, *After Its Own Image*, hlm. 134-175, passim.

<sup>23</sup> Kedua-dua mereka menjadi Hakim Mahkamah Rayuan (Appeal Court). Lihat juga Heather Sutherland, "The Transformation of the Trengganu Legal Order," *Journal of Southeast Asian History*, Vol. XI, No. 1, March, 1980, hlm. 1-29.

Boleh dikatakan sehingga akhir tahun 1920-an tidak banyak perubahan penting berlaku pada susunan pentadbiran institusi keagamaan di Terengganu. Kelembapan ini disebabkan, sebahagian besarnya, oleh penentangan yang bercorak keagamaan yang berlaku di Ulu Terengganu. Akibatnya banyak masa dan tenaga telah ditumpukan kepada masalah itu. Dalam konteks perkembangan pentadbiran agama Islam di Terengganu, pentingnya peristiwa penentangan itu ialah kerana ia menunjukkan betapa kuatnya sentimen keagamaan yang diterajui oleh golongan alim ulama yang tidak melibatkan diri dalam pentadbiran kerajaan.

### PENENTANGAN KAUM TANI DI ULU TERENGGANU PADA TAHUN 1920 AN

Seorang pegawai British pernah melaporkan bahawa negeri Terengganu boleh dibezakan dari negeri-negeri Melayu yang lain terutama pada sikap penduduknya yang *fanatik* terhadap agama Islam. Sikap ini memungkinan munculnya beberapa orang tokoh agama atau ulama yang berpotensi menghalang penyebaran pengaruh penjajah British di negeri tersebut.<sup>24</sup>

Pada akhir tahun 1921, suatu peraturan telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan untuk mengawal orang ramai menebang hutan dengan sewenang-wenangnya. Peraturan ini telah menggariskan:<sup>25</sup> pertama, apa saja tanah yang hendak diduduki dan dibersihkan mestilah mendapat pas atau permit yang boleh didapati dari Pejabat Tanah terlebih dahulu dengan bayaran sebanyak lima puluh sen setahun; kedua, hutan yang belum cukup tujuh tahun tidak boleh ditebang.

Akibat dari perlaksanaan peraturan tersebut maka timbullah perasaan tidak puas hati. Di antara bulan Julai dan bulan Ogos 1921 terdapat berita-berita angin yang tersebar luas mengatakan bahawa kekacauan akan berlaku di Ulu Terengganu, terutamanya di kawasan sekitar Telemong. Seiringan dengan itu beberapa orang petani telah menebas dan menebang tanpa pas dan permit serta menunjukkan keengganan untuk mengambilnya. Mereka ini dikatakan dipimpin oleh seorang guru agama yang bernama Drahman Blatau dan dikenali juga dengan panggilan Haji Drahman

<sup>24</sup>Hakikat ini telah disedari oleh kebanyakan pegawai British yang berkhidmat di negeri-negeri Melayu, khususnya Hugh Clifford yang banyak menulis mengenai kehidupan orang Melayu pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Lihat misalnya tulisannya yang disebut dalam catatan 29.

<sup>25</sup>C.O. 717/61, File No. 52432/28, J.L. Humphreys kepada Beckett, 22 April, 1922 Exhibit D.



Limbong. Mengenai Haji Drahman, Penasihat British J.L. Humphreys menerangkan:<sup>26</sup>

Haji Drahman is a small dark ascetic-looking Malay of about 60 years. He has a great reputation for sanctity and good works, and great influence – secular as well as religious – among the people of the middle Trengganu river. Unlike most Terengganu "Saints" he is extremely charitable and does not use his influence for his personal profits; he devotes himself to religious teaching, agriculture and devotional exercises.

Dari keterangan tersebut ternyata bahawa Haji Abdul Rahman berketurunan Melayu, berumur kira-kira enam puluh tahun dan seorang *zahid*. Beliau terkenal dengan kekeramatan dan amalan baik serta pengaruh yang besar bukan sahaja dalam bidang sekular tetapi dalam bidang agama di kalangan penduduk di kawasan lembah sungai Terengganu. Beliau tidaklah seperti kebanyakan keramat hidup di negeri Terengganu kerana beliau seorang yang pemurah dan tidak pernah menggunakan pengaruhnya untuk mendapatkan keuntungan peribadi. Beliau lebih memberikan tumpuan amalan mengajar, bertani dan beribadat. Tokoh seumpama ini tentulah mendapat sanjungan yang tinggi dalam susunan lapis masyarakat (social stratification) yang meletakkan golongan elit agama pada kedudukan yang teratas.<sup>27</sup> Di desa, mereka memainkan peranan penting sebagai pemimpin politik. Biasanya mereka dianggap sebagai orang keramat dan sakti. Anggota masyarakat percaya kepada kesaktian dan kekuatan rohani serta juga kepada pengetahuan mereka yang luas dan mendalam mengenai ilmu-ilmu agama khususnya tasawuf.<sup>28</sup> Ciri-ciri masyarakat tersebut telah memudahkan golongan elit agama ini mempengaruhi anggota-anggota sesuatu masyarakat desa, terutamanya apabila wujudnya perpaduan kelompok (group solidarity) yang berasaskan kepada hubungan guru dan murid sepertimana yang telah dimanifestasikan dalam ajaran-

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> Dalam masyarakat di mana norma hidupnya memberi kepentingan aspek agama, selalunya elit agama menduduki status tinggi dalam susunlapis (social stratification) masyarakat itu. Untuk keterangan lanjut mengenai susunlapis masyarakat Melayu, lihat Syed Husin Ali, "Social Stratification in Kampung Bagan," *JMBRAS*, Monograph No. 1, Singapore, 1964.

<sup>28</sup> Lihat Sartono Kartodirdjo, *Protest Movements in Rural Java*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1973, hlm. 7. Kajian yang dibuat oleh Sartono mengenai gerakan sosial atau "social movements" di Jawa agak menarik kerana terdapat beberapa ciri persamaan dalam gerakan sosial yang berlaku di Tanah Melayu.

ajaran elit agama ini. Jalinan guru dan murid menjadi alat penting yang mengikat perasaan kesatuan penduduk Ulu Terengganu yang terlibat dengan gerakan yang dipimpin oleh Haji Abdul Rahman yang berkemungkinan mempunyai kemampuan melawan sekatan kekeluargaan dan kesetiaan dalam masyarakat umum. Sebagai murid kepada Tokku Sayid Paloh<sup>29</sup>, Haji Abdul Rahman mendapat kepercayaan penuh dari anggota masyarakatnya mengenai kekeramatannya dan beliau sering diperkatakan sebagai keramat oleh murid-muridnya.<sup>30</sup>

Malah laporan-laporan dari pihak British juga cuba memaparkan ciri-ciri kekeramatannya yang dikatakan dimiliki oleh Haji Abdul Rahman Limbong. J.W. Simons yang menjadi Pemangku Penasihat British pada tahun 1925 berkata: "There is no doubt this name is one to conjure with in the Terengganu valley when there are thousands of Malays who would blindly follow his bidding."<sup>31</sup>

Justeru itu apabila 43 orang yang melanggar peraturan permit baru itu dihadapkan ke Mahkamah majistret untuk dibicarakan kerana kesalahan menebang dan menebas tanpa pas dan didenda sebanyak seratus ringgit, maka Haji Abdul Rahman merasa bertanggungjawab mempertahankan mereka. Beliau telah memohon lesen untuk menjadi pembela atau *pleader* mereka.<sup>32</sup>

Kes perbicaraan 43 orang petani yang tertuduh itu menyebabkan ramai penduduk Ulu Terengganu datang ke mahkamah untuk mendengar keputusannya. Tengku Bijaya yang pada masa itu merangkap jawatan Pesuruhjaya Hal-Ehwal Tanah telah menyerahkan tugas mendakwa mereka yang tertuduh kepada seorang ranjer hutan. Sebagai seorang pembela, Haji Abdul Rahman dikatakan seorang yang arif dalam hukum-hakam berlandaskan syariat Islam dan hujjah-hujjah beliau telah berjaya menundukkan dakwaan ranjer hutan tersebut. Tatkala mempertahankan mereka yang tertuduh, Haji Abdul Rahman telah menjelaskan bahawa bumi yang diduduki adalah hak Allah dan kerana itu pemerintah

<sup>29</sup>Untuk butiran lanjut mengenai ketokohan Ungku Syed Paloh, lihat Hugh Clifford, *Report, Expedition: Terengganu and Kelantan*, Kuala Lumpur, FMS Government Press, 1938, hlm. 115-16.

<sup>30</sup>C.O. 717/61, 1922, J.L. Humphreys, "Report on certain matters connected with one Haji Drahman of Terengganu."

<sup>31</sup>C.O. 717/61, J.W. Simmons (Acting Adviser) kepada High Com. (Amery), 10 July, 1925, encl. (5), "Report on further activities of Haji Drahman of Baladau."

<sup>32</sup>Wakil atau "pleader" ialah seorang yang dilantik oleh orang yang dituduh untuk membela mereka di mahkamah.

tidak berhak menetapkan cukai tanah.<sup>33</sup> Disebabkan kekurangan bukti, Majistret yang mengendalikan perbicaraan tersebut, Wan Mahmud yang kebetulan pula merupakan seorang murid agama Haji Abdul Rahman, telah memutuskan perbicaraan dengan membebaskan petani-petani tersebut.

Pada 31 Oktober 1921, Pejabat Tanah telah mengemukakan saman sekali lagi supaya kes tersebut dibawa ke Mahkamah Tinggi. Beberapa hari sebelum perbicaraan dijalankan, Haji Abdul Rahman dilaporkan telah berada di rumah Tengku Setia Utama Raja, menjalankan amal ibadat bersama-sama pengikutnya. Pada hari perbicaraan di Mahkamah Tinggi, halaman mahkamah telah dibanjiri oleh kira-kira lapan ratus hingga seribu orang petani. Beberapa orang yang mengikuti perbicaraan dikatakan membawa senjata dan apabila ditanya oleh Mr. E. Cheers yang menjawat jawatan Pesuruhjaya Polis waktu itu mengenai sebab mereka berada di Mahkamah Tinggi, mereka menjawab bahawa Haji Abdul Rahman telah mengarahkan mereka supaya meramaikan perbicaraan.<sup>34</sup>

Dalam perbicaraan itu sekali lagi Haji Abdul Rahman telah mempersoalkan apakah corak kerajaan yang wujud pada masa itu dan apakah jenis bumi yang tidak mengeluarkan hasil atau bumi mati di samping mengeluarkan dalil-dalil dari al-Quran.<sup>35</sup> Keputusan perbicaraan itu ditunda kepada hari Isnin 6 November, 1921. Haji Abdul Rahman serta pengikut-pengikutnya telah kembali ke rumah masing-masing dengan perasaan kemenangan.

Penasihat British pada masa itu menyedari hakikat bahawa tokoh agama seperti Haji Abdul Rahman adalah seorang yang berbahaya kerana beliau mempunyai potensi dan pengaruh untuk melancarkan penentangan yang serius terhadap kerajaan, khususnya mengenai pelaksanaan undang-undang dan pentadbiran tanah berlandaskan lunas-lunas Barat. Untuk menyekat kegiatan Haji Abdul Rahman, maka Pesuruhjaya Polis iaitu Mr. Cheers telah menangkap dua orang Ulu Terengganu yang hadir dengan membawa senjata dan menjemput Haji Abdul Rahman supaya datang ke balai polis. Haji Abdul Rahman menolak jemputan itu dengan alasan beliau tidak sihat. Rancangan Humphreys menghantar Cheers dan Sub-Inspektor Said Harun untuk menemui Haji Abdul Rahman

---

<sup>33</sup>Humpherys, "Report on Haji Drahman".

<sup>34</sup>*Ibid.*

<sup>35</sup>*Ibid.*

telah gagal.<sup>36</sup> Penasihat British, Humpreys mencuba sekali lagi dengan meminta pertolongan Syeikul Islam iaitu Tuan Embong supaya memujuk Haji Abdul Rahman datang ke pejabatnya dan akhirnya Haji Abdul Rahman bersetuju.

Berhadapan dengan Penasihat British itu, Haji Abdul Rahman telah menafikan kenyataan bahawa beliau bertanggungjawab menyuruh orang Ulu Terengganu untuk datang meramaikan perbicaraan. Beliau dikatakan telah mengugut akan membunuh orang kafir seperti Cheers sekiranya mereka mencabar dan menyentuhnya. Humpreys menerangkan kepada Haji Abdul Rahman bahawa tentangannya terhadap kerajaan bererti juga mereka telah melakukan penderhakaan kepada raja, iaitu suatu kesalahan yang paling berat yang dilakukan oleh seorang Melayu. Beliau meminta Haji Abdul Rahman supaya menghalang orang Ulu Terengganu datang lagi beramai-ramai ke mahkamah.

Perbicaraan yang telah ditetapkan berlangsung pada 6 November, 1921 itu telah dibatalkan. Sementara itu Humpreys menerima laporan bahawa Haji Abdul Rahman akan mengadakan upacara mengislamkan seorang Cina di bandar Kuala Terengganu. Berita angin itu juga mengatakan bahawa Haji Abdul Rahman bercadang membawa seribu orang pengikutnya dari Ulu Terengganu untuk mengadakan perarakan bagi orang Cina yang akan diislamkan itu di sekeliling bandar Kuala Terengganu. Empat ekor kerbau dan empat ratus ekor ayam akan disembelih untuk jamuan.<sup>37</sup>

Setelah berunding dengan Syeikul Islam dan Engku Said (adik kepada Ungku Said Paloh), Humpreys mengambil keputusan untuk menarik balik lesen wakil Haji Abdul Rahman. Pada 19 November, 1921, bertempat di Pejabat Agama, berhadapan dengan Syeikul Islam, Mufti, Haji Wan Sulaiman (Penolong Syeikul Islam), Dato Amar Muhammad bin Yusof dan Tengku Bijaya (Pesuruhjaya Agama dan juga Pemangku Pesuruhjaya Hal-Ehwal Tanah) maka Humpreys menerangkan kepada Haji Abdul Rahman sebab-sebab lesen wakilnya sebagai pembela di mahkamah ditarik balik. Beliau juga telah mencegah Haji Abdul Rahman dari mengadakan upacara keramaian yang dijangka berlangsung di bandar Kuala Terengganu.

<sup>36</sup> *Ibid.* Semasa Mr. Cheers dan Sub-Inspektor Said Harun menemui Haji Abdul Rahman, beliau sedang berada di halaman rumahnya bersama-sama 15 atau 20 orang muridnya. Dikatakan bahawa Haji Abdul Rahman dalam keadaan *taksub* (tidak sedarkan diri kerana terlalu khusuk) dan cuma menunggu peluang bertindak sekiranya Mr. E. Cheers mencabar untuk menangkapnya.

<sup>37</sup> *Ibid.*

Pada tengahari 20 November, 1921, sewaktu Humpreys bersama-sama dengan Mufti dan Penolong Syeikul Islam mudik ke Pulau Babi yang jauhnya kira-kira 16 kilometer dari Kuala Terengganu, mereka telah menyaksikan kegiatan penduduk kampung yang menjadi pengikut Haji Abdul Rahman membuat persediaan meraikan peristiwa berkhatan seorang mualaf Cina. Humpreys tidak pula menyaksikan peristiwa itu keseluruhannya tetapi apabila beliau melalui kampung itu lagi, beliau mendapati keramaian telah pun bersurai dan ". . . the face of the river was covered with dispersing boats."<sup>38</sup>

Pada 2 Mei, 1925, sekali lagi sekumpulan kaum tani berjumlah lebih kurang 300 orang berkumpul di tanah Mat Zain bin Mat Amin di Kuala Telemong.<sup>39</sup> Kumpulan-kumpulan itu dikatakan datang dari daerah Belimbing, Tersat, Berang, Telemong dan Ulu Nerus yang masing-masing mempunyai ketua terdiri dari Mat Zin, Tok Janggut (Lebai Drahman), Wok Mamat, Haji Zakaria, Abdul Hamid, Ku Mat Pueh dan Che Man Pendekar. Mereka dikatakan telah dikerah oleh Haji Abdul Rahman untuk mengusahakan tanah milik Tengku Nik.<sup>40</sup> Tengku Nik ialah saudara perempuan kepada Sultan Sulaiman. Beberapa tahun sebelumnya beliau telah menuntut kawasan Telemong sebagai miliknya dan mendakwa bahawa tanah itu telah dihadiahkan oleh ayahandanya Sultan Zainal Abidin III semasa perkahwinan beliau dengan Tengku Ngah. Sebagai seorang yang telah menunaikan fardu haji, beliau dihormati dan berpengaruh di kalangan penduduk di sekitar Telemong.

Kerja-kerja membersihkan tanah Tengku Nik nampaknya telah dirancangan terlebih awal kerana mengikut laporan Penghulu Abdullah, tiap-tiap seorang yang datang itu membawa segantang beras, sebilah pisau dan ada juga yang membawa keris dan setakat itu seramai dua ribu orang telah dikerahkan.<sup>41</sup> Berikutan dengan peristiwa tersebut berita angin telah tersebar

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> C.O. 717/61, File No. 52432/28, M.L.I. Wynne (Com. of Police) kepada British Adviser, Trengganu, 6 May, 1925, "Unlawful assembly at Kuala Telemong".

<sup>40</sup> Lihat HCO. 1337/1909, British Adviser kepada Federal Sec. FMS, 8 September, 1909, encl. Journal of British Agent Trengganu, 11 July to 30 August 1909; Allen, "The Ancien Regime in Trengganu", hlm. 52; C.O. 717/61, J.W. Simmons, encl. (5) "Report on further activities of Haji Drahman of Bladau,"; BAT. 201/1938, British Legation Jedda kepada BAT., 7 Sept. 1939.

<sup>41</sup> C.O. 717/61, M.L.I. Wynne kepada British Adviser, Trengganu 6 May, 1925, encl. "Statement of Penghulu Abdullah of Kampung Kuala Telemong."

luas di kalangan orang kampung itu yang mengatakan bahawa *jihad* atau *perang sabil* akan dilancarkan terhadap Dewan Negeri dan juga pihak penjajah British. Matlamat mereka ialah untuk mengembalikan Sultan Mahmud II ke takhta kerajaan Terengganu dan melantik Haji Abdul Rahman sebagai Menteri Besar.

M.L.I. Wynne, Pesuruhjaya Polis pada masa itu, telah menasihatkan bahawa sebarang langkah kekerasan yang diambil mungkin memburukkan keadaan. Justeru itu beliau telah menyarankan kepada Simmons yang memangku jawatan Penasihat British di Terengganu supaya menggunakan atau memperalatkan Pejabat Agama bagi mengadakan perundingan dengan pihak Haji Abdul Rahman. Nampaknya sekali lagi tokoh-tokoh yang terlibat dengan hal-ehwal agama seperti yang tersebut di atas dibawa berunding dengan Haji Abdul Rahman bagi menyelesaikan masalah kaum tani itu dengan pihak pentadbiran kerajaan.<sup>42</sup>

Pihak pentadbiran membuat keputusan untuk memujuk Haji Abdul Rahman supaya memikul tanggungjawab di pihak kerajaan, khususnya berkait dengan agama. Oleh itu Pejabat Agama telah menawarkan Haji Abdul Rahman jawatan guru agama di salah sebuah masjid pilihannya sendiri di Kuala Terengganu. Tawaran ini tidak ditolak oleh Haji Abdul Rahman tetapi beliau telah meletakkan syarat kepada pihak Pejabat Agama, supaya beliau tidak terikat dengan sebarang jadual pekerjaan dan mengajar pada waktu-waktu yang difikirkan sesuai sahaja. Syarat ini tidak dapat dipersetujui oleh pihak pentadbiran dan nyatalah rancangan pihak berkuasa telah menempa kegagalan.<sup>43</sup>

Pada 27 Mei, 1925, suatu isytihar telah dikeluarkan oleh pihak pentadbir atas perintah Sultan Sulaiman mencegah Haji Abdul Rahman dari mengerah rakyat mengerjakan tanah Tengku Nik. Tegahan tersebut tidak memberi kesan yang diharapkan oleh pihak pentadbiran tetapi sebaliknya menambahkan lagi keyakinan kaum tani terhadap perjuangan ulamak itu. Sementara itu laporan diterima menyatakan bahawa rakyat di Ulu Terengganu telah diancam oleh ajaran-ajaran, beberapa orang guru agama, di antaranya ialah Haji Musa Minangkabau, Haji Abdullah Kampung Dusun dan Hasan dari Pasir Nering.<sup>44</sup> Haji Musa dikatakan berasal dari Mingkabau dan tinggal di kampung Duyung Besar. Beliau dilaporkan telah menyebarkan semangat penentangan berlandaskan

<sup>42</sup> *Ibid.*, Laporan M.L.I. Wynne, 6 May, 1925.

<sup>43</sup> *Ibid.*, J.W. Simons, encl. (5), "Report on further activities of Haji Drahman Bladau".

<sup>44</sup> SUK. Trg., 1295/1345, Surat Tuan Embong kepada Tuan Hakim, Kuala Brang, 25 Zulkaedah, 1346.

ajaran-ajaran agama di kampung-kampung ulu yang dilawatinya. Mengenai kegiatan Haji Musa, Tuan Embong yang ditugaskan untuk meneliti kegiatannya melaporkan bahawa Haji Musa pernah melafazkan ucapan yang mempersoalkan sama ada orang kampung lebih suka mengikut hukum syarak atau hukum kafir. Apabila orang kampung tidak memberikan jawapan maka Haji Musa telah membacakan sepotong hadis yang bermaksud bahawa sekiranya sesiapa di antara orang Islam yang tidak mahu mengikut hukum syarak maka Nabi tidak mengaku umatnya. Lantas orang kampung mengatakan mereka tidak mahu mengikut hukum kafir.<sup>45</sup>

Selain dari itu, laporan juga diterima oleh pihak pentadbiran bahawa Haji Abdul Rahman bersama-sama Syed Sagoff telah mengapi-apikan kaum tani di Ulu Terengganu supaya jangan mengikut peraturan tanah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kerajaan. Syed Sagoff dikatakan pernah memberitahu rombongan orang kampung yang datang menemui beliau bahawa mereka telah digalakkan menebas dan menebang tanpa pas kerana mereka adalah bersaudara dengan beliau di dunia dan akhirat.<sup>46</sup>

Seorang lagi yang lebih keras mempersoalkan perundangan dan pentadbiran yang bercanggah dengan hukum agama ialah Haji Abdul Rahman sendiri yang menolak pelaksanaan cukai yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Di samping itu beberapa langkah kerajaan yang bertujuan untuk kesihatan seperti bertanam cacar telah juga dipersoalkan berasaskan hukum syarak.<sup>47</sup> Beliau berpendapat bahawa orang kampung yang bersubahat dengan pihak kerajaan adalah '*orang neraka*'. Beliau pernah mengumpamakan negeri Terengganu seperti seorang perempuan yang sedang hamil yang memerlukan banyak bidan dan apabila anak yang dikandung itu lahir, maka semua bidan dari Dungun dan jajahan-jajahan lain terpaksa melayaninya.<sup>48</sup> Di masa kelahiran itulah Sultan Muhammad II akan kembali menjadi Sultan Terengganu dan pentadbiran akan dikuasai oleh tiga orang iaitu *Raja*, *Syed* dan *Fakir*. Syed bermaksud Syed Sagoff yang akan menjawat jawatan Wazir dan Fakir bermaksud Haji Abdul

---

<sup>45</sup> *Ibid.*

<sup>46</sup> *Ibid.*, Cik Salleh kepada Pegawai Daerah Kuala Brang, 13 Zulhijjah, 1346.

<sup>47</sup> C.O. 717/61, File No. 52432/28, Sir Hugh Clifford kepada Amery, 13 July, 1928, encl. 1(b), "Report on the Recent Disturbances in Terengganu, 30 June, 1928 by H.E.W. Thomson, British Adviser Perak".

<sup>48</sup> *Ibid.*

Rahman. Sultan Muhammad II atau kadangkala digelar Sultan Ahmad pernah menduduki takhta kerajaan Terengganu menggantikan ayahanda baginda yang mangkat pada tahun 1918 dan sebelum menjadi sultan baginda telah bergelar Yam Tuan Muda. Mengenai sikap Sultan Muhammad II, seorang pegawai British bernama Maxwell menganggapnya sebagai seorang yang kurang waras. Humpreys pula mendapatinya sebagai seorang pemerintah yang tidak disukai ramai, termasuk di kalangan kerabat-kerabat diraja. Sultan Muhammad II telah turun dari takhta atas alasan kesihatan baginda terganggu.<sup>49</sup> Apabila Sultan Muhammad II dinaikkan semula ke atas takhta, maka negeri Terengganu tidak lagi dikuasai oleh orang kafir dan mereka yang membelakangkan agama Islam.<sup>50</sup>

Api penentangan yang disemarakkan oleh ajaran-ajaran golongan ulama seperti Haji Abdul Rahman dan Haji Musa Minangkabau dapat disaksikan dalam kegiatan segerombolan dua ratus petani yang cuba menyerang pengawal hutan yang bertugas di Kuala Berang. Sementara itu pada 22 April, 1928, sekumpulan kaum tani dari kawasan Tersat dan Dungun yang berjumlah kira-kira seribu orang telah berkumpul di Tersat dengan tujuan melancarkan *Perang Sabil*.<sup>51</sup> Memandang keadaan keselamatan yang buruk yang mungkin mengancam keamanan di Kuala Terengganu, Dato Menteri Besar telah mencadangkan supaya Sultan Sulaiman menghantar Dato Lela dan Tengku Nara ke Ulu Tersat untuk cuba menyelesaikan rungutan-rungutan kaum tani melalui perundingan. Pada 28 April, 1928, Pegawai Daerah Kuala Brang, Wan Mahmud melaporkan bahawa suatu mesyuarat telah diadakan di antara pemimpin-pemimpin petani itu untuk membincangkan siapakah yang patut pergi ke Kuala Terengganu.<sup>52</sup>

Matlamat kedatangan rombongan Dato Lela ke Ulu Terengganu ialah untuk mendapatkan persetujuan dari pemimpin-pemimpin kaum tani supaya menghadap Sultan Sulaiman di

---

<sup>49</sup>Untuk butiran lanjut mengenai Sultan Muhammad II, lihat Allen, "Ancien Regime" hlm. 50. Mengenai perletakan jawatan baginda sebagai Sultan Terengganu, lihat 71/2 Telegram High Com. Conf. Guillemard kepada Milner, 10 June, 1920.

<sup>50</sup>*Ibid.*

<sup>51</sup>*Ibid.* Lihat juga SUK. Trg. 1925/1346, Memo Tengku Nara dan Dato Lela kepada Setiausaha Kerajaan, 5 Zulkaedah, 1345. Kedua mereka melaporkan telah berjumpa 1,500 orang yang bersenjata bersedia hendak membertolak.

<sup>52</sup>SUK. Trg. 1295.1346, Pegawai Daerah Kuala Brang kepada Setiausaha Kerajaan, 7 Zulkaedah, 1346.



Kuala Terengganu. Matlamat ini tidak tercapai kerana mengikut laporan yang dibuat oleh Pegawai Daerah Kuala Brang, mereka khususnya Penghulu Salleh, Abdullah Jurukaka, Lebai Hassan, Mamat Tok Pintas dan Bakar Cinting telah bermuafakat untuk mendapat pandangan Haji Abdul Rahman dan Syed Sagoff sebelum membuat sebarang keputusan. Sementara itu Mills telah menerima laporan Tengku Muhammad yang menjadi Penolong Pesuruhjaya Polis dan Sarjan Osman yang menyatakan bahawa orang kampung telah mengatakan bahawa "kiranya orang putih datang ke Ulu, mereka akan sabil."<sup>53</sup> Mengingat kembali beberapa peristiwa seperti konfrantasi di antara Haji Abdul Rahman dengan Mr. Cheers di Telemong, kejadian apabila Tok Janggut meludah Mr. Simmons, dan nasihat Mills sendiri yang melarang supaya pegawai British tidak terlibat secara terbuka dengan gerombolan-gerombolan penentang itu, akhirnya Sultan Sulaiman sendiri telah pergi ke Ulu Terengganu untuk berhadapan dengan rakyat kaum tani yang tidak berpuas hati itu. Rombongan Sultan itu disertai oleh Tengku Setia, Tengku Muhammad (Penolong Pesuruhjaya Polis), Dato Andika, Tengku Bentara, Engku Abdul Kadir, Dato Indera Guru, Dato Bentara, Dato Amar Diraja (Menteri Besar) dan Encik Hashim (Collector).

Pada 4 Mei, 1928 seramai kira-kira dua hingga tiga ribu penduduk Ulu Terengganu telah dapat menemui baginda Sultan. Dalam pertemuan itu, Sultan telah berjanji akan mengambil perhatian atas segala kesusahan yang dialami oleh mereka. Baginda juga telah mengampun orang yang tertuduh melanggar peraturan-peraturan baru mengenai tanah yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan baginda dan memerintahkan petani-petani yang hadir itu kembali semula ke kampung masing-masing. Nampaknya mereka bersetuju dengan titah perintah Sultan.

Keberangkatan Sultan Sulaiman ke Ulu Terengganu sebenarnya hanya berjaya mententeramkan keadaan kegelisahan kaum tani buat sementara waktu sahaja. Pada 19 Mei, 1928 segerombolan kaum tani berjumlah kira-kira empat ratus orang telah berkumpul sekali lagi di rumah Lebai Hasan di Kuala Por. Petani-petani itu dikatakan datang dari Kuala Dungun, Marang dan Jerong untuk menyerang Pegawai Daerah serta sarjan polis di Kuala Brang.<sup>54</sup> Pada pagi yang sama seramai dua ratus orang telah berkumpul di rumah Encik Ismail, lengkap dengan senjata

---

<sup>53</sup> *Ibid.*, Memo. Setiausaha Kerajaan kepada Dato Seri Andika Diraja, 13 Zulkaedah, 1346.

<sup>54</sup> C.O. 717/61, Memo, H.W. Thomson kepada Chief Sec. FMS, 30 June, 1928, "Report on Recent Disturbances in Trengganu."

seperti parang, keris, tombak dan senapang. Gerombolan-gerombolan petani itu telah dipimpin oleh Bakar Cinting dan Ismail. Matlamat mereka ialah hendak ke Kuala Terengganu. Sementara itu pada tengah malam pula seramai kira-kira enam ratus orang telah dikatakan berkumpul dekat *gambang* atau rakit besar di Kuala Brang.

Pada 20 Mei, 1928, Pegawai Daerah Kuala Brang bersama-sama empat orang anggota polis telah meninggalkan Kuala Brang setelah mendengar berita bahawa petani-petani dari Ulu Terengganu akan menyerang balai polis dan pejabat kerajaan.<sup>55</sup> Mengenai perkembangan yang berlaku ini, Mills melaporkan:<sup>56</sup> "It must be emphasized that the ostensible object is now definitely removal of government. . It is undoubtedly under the orders of the *Sharikat* and the Haji Drahman crowd." Suasana di Kuala Terengganu dikatakan tegang. W.M. Millington melaporkan bahawa persiapan telah dibuat untuk mempertahankan Kuala Terengganu dan mengukuhkan pertahanan balai polis Bukit Payong.

Berbagai berita angin yang mengerikan telah diterima oleh pihak kerajaan dan juga orang ramai tetapi setakat itu tidak ada apa kejadian yang berlaku. Sultan Sulaiman ketika itu sedang bersemayam di Istana Maziah dan dikawal oleh seorang polis dan beberapa orang pengawal istana. Memandangkan kepada bahaya yang mungkin mengancam bandar Kuala Terengganu, Penasihat British telah meminta bantuan lima puluh orang askar dari pasukan polis Negeri Melayu Bersekutu.<sup>57</sup>

Pada 21 Mei, 1928, seramai tujuh ratus orang petani telah menduduki bangunan kerajaan di Kuala Brang. Mereka juga dikatakan mengibarkan bendera merah.<sup>58</sup> Pada masa yang sama Encik Leh bin Haji Abdul Rahman dilaporkan telah pergi ke Ulu Nerus mengapi-apikan penduduk di situ supaya jangan membayar cukai. Haji Abdul Rahman diberitakan berada di Kuala Terengganu.

Untuk menyekat kemarahan petani-petani itu, Dato Lela telah diperintahkan oleh pihak kerajaan untuk memimpin pasukan yang terdiri dari Dato Dalam, Dato Pahlawan, Tengku Abdullah

<sup>55</sup> *Ibid.*

<sup>56</sup> *Ibid.*, Keterangan Lawrence L. Mills.

<sup>57</sup> *Ibid.*, Thomson, "Report".

<sup>58</sup> SUK. Trg. 1295/1346, Telegram Menteri Besar kepada Pesuruhjaya Kemaman, 20 Mei, 1928. Beliau melaporkan bahawa kumpulan rakyat Ulu telah menduduki pejabat dan kawasan Brang. Dato Menteri Besar, Muhammad bin Yusof menyatakan tentang penggunaan "bendera merah" yang menandakan alamat akan tanda peperangan.

(inspektor) serta dua puluh orang polis (Melayu) bagi mendapatkan balik bangunan yang telah diduduki oleh petani-petani.<sup>59</sup> Walaubagaimanapun dalam perjalanan ke Kuala Brang, suatu berita telah diterima mengatakan petani-petani tersebut telah berjalan mara ke Kuala Telemong untuk bergabung dengan kumpulan-kumpulan petani yang sedang menunggu di kawasan rumah Mat Zin. Pergabongan ini akan bergerak dan menyerang balai polis Kuala Telemong. Kemungkinan berlakunya pertempuran di antara pihak kaum tani dengan pihak pemerintah tidak dapat dielakkan lagi.

Dalam pertempuran di Padang Kacong, Kuala Telemong, sebelas orang petani telah terbunuh.<sup>60</sup> Tok Janggut yang dipercayai seorang yang kebal telah gugur tatkala menyerbu barisan polis yang membuat tembakan bertalu-talu. Berita pertempuran di Kuala Telemong dan kematian Tok Janggut berserta sepuluh orang yang lain telah menamatkan kemungkinan berlakunya lagi serangan kaum tani ke atas pihak berkuasa kerajaan. Pada malam 21 Mei, 1928, Yusof Hitam atau Pak Soh Hitam dari Kampung Paya Siat diberitakan telah mengumpul seribu orang petani untuk menyerang Marang.<sup>61</sup> Walaubagaimanapun apabila berita kematian Tok Janggut dalam pertempuran di Padang Kacong sampai kepadanya, beliau telah membatalkan rancangannya. Begitu juga halnya dengan segerombolan petani yang telah menduduki bangunan di Kuala Terengganu, apabila mendengar berita pertempuran dan kematian Tok Janggut di Padang Kacong, mereka juga turut bersurai.

Tindakan pihak kerajaan untuk menyiasat dan menangkap pemimpin-pemimpin kaum tani dapat disaksikan dalam pembentukan suatu jawatankuasa yang terdiri dari Bilal Yunus Mat Salleh dari Mukim Sugai Telemong, Penghulu Ali bin Osman dari Mukim Kuala Brang, Engku Awang bin Wok dari Mukim Kuala Puah, Mohd. Arifin bin Dom dari Mukim Sungai Brang, Hamzah Taib dari Mukim Sungai Tersat, Mat Amin Salleh dari Mukim Kuala Telemong, Encik Su bin Abdul Rahman dari Mukim Serada, Tengku Muda bin Long dari Mukim Manis, Haji Ibrahim bin Nik dari Mukim Jerong, Mat Ali bin Haji Abdullah dari Mukim Bukit Ajil dan Encik Mamat bin Awang dari Mukim Mercang.<sup>62</sup> Ismail

<sup>59</sup> *Ibid.*, Laporan Dato Panglima, 3 Zulhijjah, 1346.

<sup>60</sup> C.O. 717/61, Thomson, "Report", Keterangan Dato Dalam 25 June, 1928.

<sup>61</sup> *Ibid.*, Keterangan L.I. Mills.

<sup>62</sup> SUK. Trg. 1295/1346, Kenyataan Setiausaha Kerajaan, 3 Zulhijjah, 1346.

Kuala Por dan Haji Zakaria telah ditangkap pada 4 Jun, 1928. Dengan tertangkapnya pemimpin-pemimpin tersebut, beberapa orang ketua kaum tani telah menyerah diri kepada pihak berkuasa. Mereka terdiri dari Abu Bakar Centing, Bedollah Conkak Majin atau Abdullah Jurukaka, Engku Mat Pueh atau Puyah, Haji Tahir Gunung, Mamat Tok Pintas, Lebai Hasan Kuala Menjing, Mat Zin Telemong dan Penghulu Omar.<sup>63</sup> Penghulu Salleh Tersat dan Encik Leh dilepaskan setelah keterangan yang diterima menunjukkan mereka tidak terlibat dalam pakatan terakhir untuk menentang pentadbiran British. Hukuman yang dikenakan kepada pemimpin-pemimpin yang tertangkap ialah: Mat Zin Telemong (15 tahun penjara dengan kerja berat); Encik Ismail Kuala Por, Abu Bakar Centing dan Abdullah Jurukaka (10 tahun penjara dengan kerja berat); Haji Zakaria (7 tahun penjara dengan kerja berat); Penghulu Omar (6 tahun penjara); Ku Mat Pueh, Haji Tahir Gunung, Mat Tok Pintas dan Lebai Hasan (5 tahun penjara dengan kerja berat). Haji Abdul Rahman Limbong pula telah dihantar ke Mekah dengan tanggungan dari kerajaan sebulan \$50.00 sehingga akhir hayat beliau.

Haji Abdul Rahman dikatakan berada di Beserah semasa berlakunya pertempuran di Kuala Telemong.<sup>64</sup> Bagaimanapun beliau telah berada di Kuala Terengganu pada 25 Mei, 1928 dan menyerah diri di Istana Maziah setelah mendengar berita bahawa pihak British akan menangkapnya.<sup>65</sup> Namu begitu tiada siapa yang berani menghampiri beliau. Beliau telah dibenarkan bermalam di Mahkamah Kadi dalam kawasan istana. Dalam peremuannya dengan Sultan, beliau telah menafikan yang beliau terlibat dalam komplot kaum tani yang menentang kerajaan di Ulu Terengganu. Akhirnya keputusan diambil untuk membenarkan Haji Abdul Rahman meninggalkan negeri Terengganu dan diberitakan bahawa beliau bercadang hendak pergi ke Mekah untuk menghabiskan hayatnya di sana.<sup>66</sup>

<sup>63</sup>C.O. 717/61, Sir H. Marriot kepada Amery, 20 September, 1928.

<sup>64</sup>*Ibid.*, Keterangan L.I. Mills.

<sup>65</sup>*Ibid.*, Lihat juga SUK. Trg. 1295/1346, Surat Haji Abdul Rahman Limbong, t. th. yang mengaku untuk menyerah diri kepada Sultan serta menafikan tuduhan bahawa beliau terlibat dalam rancangan penentangan di Ulu Terengganu itu.

<sup>66</sup>*Ibid.*, Keterangan Muhammad bin Yusof. Lihat juga SUK. Trg. 1295/1346, Surat Haji Wan Embong bin Muhammad kepada Setiausaha Kerajaan, t. th. yang menjelaskan bahawa Haji Abdul Rahman Limbong telah menyerahkan wakil kepadanya untuk menguruskan soal harta dan hutang beliau di Terengganu semasa beliau di Mekah.

Meninjau kembali kepada peristiwa penentangan yang berlaku itu, bahawa ianya penting bukan semata-mata kerana kebangkitan dan kesedaran petani untuk menentang sistem penjajahan tetapi hakikat bahawa agama telah menjadi faktor utama yang menjadi pegangan dan perjuangan menghalau penjajah. Pengenalan peraturan-peraturan baru mengenai pentadbiran tanah telah dianggap sebagai suatu cara pemerintahan yang telah membebankan kaum tani yang miskin. Dalam masyarakat kaum tani seperti yang terdapat di Ulu Terengganu, sebarang persoalan mengenai perubahan sosial yang mahu dilakukan lazimnya akan mencetuskan penentangan.<sup>67</sup> Penentangan yang dilancarkan oleh kaum tani dari masyarakat yang bercorak tradisional terhadap perubahan sosial yang dicita-citakan itu memperlihatkan ciri-ciri keagamaan. Gerakan keagamaan itu memperlihatkan corak perubahan yang radikal.<sup>68</sup> Yang agak ketara dalam gerakan keagamaan ini ialah wujudnya beberapa *agent provocateur* seperti Haji Abdul Rahman, Haji Musa Minangkabau dan Syed Sagoff yang memainkan peranan penting menaikkan semangat kaum tani itu.

Sekiranya diteliti dengan lebih mendalam lagi khususnya mengenai ideologi penentangan yang mempengaruhi kaum tani di Ulu Terengganu itu, ternyata dua unsur penting: pertama, aktiviti penentangan itu telah juga dipengaruhi oleh unsur *nativitisma* yang kuat.<sup>69</sup> Konsep *nativitisma* mengutamakan keaslian sesebuah masyarakat itu di samping menolak unsur-unsur kebudayaan asing yang dianggap mendatang. Selain dari itu unsur *nativitisma* ini juga mengharap kepada keadaan bilamana orang kulit putih tidak lagi memerintah di bumi mereka dan sistem pemerintahan yang lama akan diwujudkan kembali. Ciri ini begitu ketara terutamanya dalam peristiwa penentangan yang berlaku di Telemong pada tahun 1923. Haji Abdul Rahman telah diberitakan menyatakan bahawa Sultan Muhammad II akan kembali menjadi sultan dan pemerintah kafir British akan dihapuskan dari bumi Terengganu.

Konsep *jihad* atau *perang sabil*<sup>70</sup> telah digunakan seluas-luasnya sebagai suatu rangsangan yang kuat untuk menggalakkan kaum tani menentang pentadbiran yang dikuasai oleh sistem asing. Fakta-fakta yang telah dikemukakan di atas menunjukkan

---

<sup>67</sup>C.O. 717/2, Telegram HCO. kepada Sec. of State for the colonies, 31 May, 1920.

<sup>68</sup>Lihat N. J. Smelser, *Theory of collective behaviour*, London, 1967, hlm. 320-321.

<sup>69</sup>Sartono Kartodirdjo, *Protest Movement*, hlm. 9-10.

<sup>70</sup>*Ibid.*

bahawa kedua-dua gerombolan yang menyertai kegiatan penentangan tahun 1925 dan 1928 telah dipengaruhi oleh idea ini. Biasanya penentangan dilakukan terhadap pemerintah kafir dan juga kepada segala keburukan sosial yang timbul akibat daripada pengaruh pemerintah penjajahan asing. Penentangan pula bukan sahaja ditujukan kepada pihak penjajah British tetapi juga kepada pemimpin-pemimpin Melayu yang dipandang sebagai 'orang neraka', yang melibatkan diri mereka dan bekerjasama dengan pemerintahan kafir yang mesti dihapuskan.

Penyiasatan yang dijalankan terhadap punca penentangan tersebut menunjukkan bahawa kumpulan petani itu berkumpul atas panggilan sepucuk surat yang bertulis dengan dakwat merah berbunyi; "Syed Sagoff ibni Syed Abdul Rahman ialah Khalifah" dan "Haji Abdul Rahman Limbong dari dunia hingga akhirat." Surat itu dikatakan dari "Kita dan Tuan" untuk semua orang Islam yang bergabung dalam "Syarikat" supaya datang secepat mungkin ke Kuala Brang pada tanggal 2 Zulhijjah 1348 (1928). Matlamatnya ialah untuk mengibarkan "Bendera Stambul".<sup>71</sup> Penggunaan lambang bendera Stambul menunjukkan bahawa penentangan itu sedikit sebanyak telah dipengaruhi oleh konsep *Pan Islamisme*. Sepucuk surat lagi yang ditemui mengatakan, Haji Abdul Rahman, Tengku Jaafar dan Tuan Syed Sagoff telah memerintahkan kesemua orang yang mahu masuk ke pihak Melayu supaya, "masuk sebelah Melayu Tuan Syed Terengganu."<sup>72</sup>

Penggunaan perkataan "syarikat" dalam surat itu dan penggunaan bendera merah oleh petani-petani dalam serangan ke atas pejabat dan rumah kerajaan di Kuala Brang itu, jelas menampakkan bahawa gerakan itu bukan sahaja berputar sekitar rungutan petani-petani ulu sahaja. Laporan yang diterima menunjukkan bahawa sebuah organisasi bercorak politik iaitu *Syarikatul Islam* turut terlibat dalam gerakan itu.<sup>73</sup>

Mengenai kegiatan awal *Syarikatul Islam* Dato Seri Amar melaporkan bahawa beliau pernah mendengar bahawa Syed Muhammad yang berasal dari Johor telah cuba mendapatkan ahli-ahli dari Terengganu. Apabila ditentang oleh Menteri Besar, beliau telah dikatakan pergi ke rumah Haji Abdul Rahman. Dikatakan juga bahawa orang yang mula-mula membawa berita berkenaan dengan syarikat ini ke Terengganu ialah Syed Abdul Rahman dari Balok. Mills pula melaporkan bahawa beliau ada

<sup>71</sup> C.O. 717/61, Keterangan Omar bin Mahmud.

<sup>72</sup> *Ibid.*

<sup>73</sup> *Ibid.* Untuk melihat keterangan lanjut mengenai Sarekat Islam lihat Sartono, *Protest Movement*, hlm. 142-185.

menerima laporan M.L.I. Wynne, bekas Pesuruhjaya Polis Terengganu, yang mengatakan bahawa ahli-ahli syarikat di Ulu Marang "are all under the banner of Syed Sagoff, they form a wing (Marang) of the area of Haji Abdul Rahman."<sup>74</sup>

Selain dari itu laporan tersebut juga mengatakan Yusuh Hitam atau Pak Suh Hitam dari Kampung Paya Siat terlibat dalam pakatan itu. Mills juga mengatakan bahawa pusat kegiatan syarikat ialah di Beserah, Pahang.<sup>75</sup> Jadi pemergian Haji Abdul Rahman ke Beserah mungkin juga ada kaitannya dengan pertubuhan syarikat tersebut. Beliau melaporkan selanjutnya bahawa Mr. O Conell telah merampas sehelai baju perang berwarna putih dibaluti dengan tulisan Arab dari rumah Haji Muda bin Haji Him. Setakat ini tidak dapat dipastikan berapa ramai bilangan orang yang menjadi ahli syarikat itu. Walaubagaimanapun menurut Mills, tatkala Tengku Muhammad mengeledah rumah Mat Zin di Kuala Telemong, beliau telah menjumpai senarai nama lapan ratus orang rakyat dari berbagai kampung sepanjang sungai Terengganu yang dikatakan telah dikumpulkan sejak tiga tahun lalu. Syed Sagoff pula ketika disoal mengenai syarikat itu menyatakan bahawa kepala syarikat yang besar pada masa itu ialah Haji Omar Siam di Nerus.<sup>76</sup>

Dasar British terhadap penentangan yang berunsurkan agama ini adalah jelas. Sepanjang penentangan yang berlaku sejak tahun 1921 hingga 1928, sikap mereka begitu berhati-hati sekali kerana kesilapan melancarkan tindakan bererti akan mengakibatkan kekerasan dan penentangan bersenjata dari pihak rakyat yang memang kuat berpegang kepada agama. Adanya sebuah pertubuhan sulit seperti *Syarikatul Islam* yang turut terlibat dalam gerakan penentangan menunjukkan bahawa tentangan itu bukan merupakan suatu penentangan secara serta-merta dari segerombolan petani yang tidak puas hati terhadap peraturan menebas hutan tetapi ianya adalah lebih besar dari itu. Keadaan ini bertambah buruk lagi dengan adanya *agent provocateur* yang menanti peluang menggunakan isu agama bagi melaksanakan cita-cita mereka. Menurut Menteri Besar lagi, gerombolan rakyat yang berkumpul di Kuala Brang, Kuala Telemong dan Bukit Payong itu bertujuan untuk mara ke Kuala Terengganu.<sup>77</sup> Beliau mendapat maklumat

<sup>74</sup> *Ibid.*, Keterangan L.I. Mills.

<sup>75</sup> *Ibid.*

<sup>76</sup> SUK. Trg. 1295/1346, Keterangan Syed Sagoff bin Abdul Rahman al-Idrus, 15 Zulhijjah, 1346.

<sup>77</sup> C.O. 717/61, Keterangan Muhammad bin Yusof.

yang menunjukkan rakyat ulu itu bercadang untuk menyerang pihak British terlebih dahulu sebelum mereka mengepung pasukan polis dan akhirnya menawan pegawai-pegawai Melayu termasuk baginda Sultan.

Jika dilihat secara perbandingan, beliau berpendapat bahawa kekacauan Ulu Terengganu itu adalah lebih berbahaya daripada pemberontakan Tok Janggut di Pasir Putih, Kelantan. Di Pasir Putih cuma segelintir kecil rakyat yang bangun menentang penjajahan British, manakala di Terengganu penentang-penentang itu terdiri dari gerombolan yang mara dari berbagai arah dan penjuru negeri itu. Menteri Besar yakin sekiranya tidak berlaku pertempuran di Kuala Telemong, kemungkinan besar gerombolan itu berjaya menawan Bukit Payong dan Kuala Terengganu.<sup>78</sup>

Dengan kuasa penasihat yang ada pada mereka, pihak British menggunakan pegawai-pegawai tempatan menghadapi ancaman petani-petani itu.<sup>79</sup> Mereka sedar dengan memperalatkan institusi agama sahaja mereka dapat mengawal keadaan supaya tidak bertambah buruk. Syeikul Islam telah diminta memujuk petani Ulu Telemong supaya tidak menentang British. Jelas di sini bahawa elit agama yang berpihak kepada kerajaan telah diperalatkan untuk kepentingan British. Humphreys dalam suratnya kepada Beckett menjelaskan sikap yang patut dipegang oleh British waktu itu iaitu British hendaklah menjadikan Mufti dan rakan sejawatnya sebagai "expoaching game keepers."<sup>80</sup>

### PENGLIBATAN BRITISH DALAM HAL-EHWAL AGAMA

Pada tahun 1928, akibat dari kematian Tengku Bijaya, maka Dato Kamal Wangsa (Sulaiman bin Daud) telah dilantik memegang jawatan Pesuruhjaya Agama.<sup>81</sup> Dato Kamal Wangsa dilahirkan pada 7 Rejab, 1928. Beliau mula berkhidmat dalam perkhidmatan awam negeri Terengganu sejak 1 Rabiul Akhir 1218 (1900) dan bersara dari jawatan kerajaan pada tahun 1935. Dato Kamal Wangsa tidak lama memegang jawatan Pesuruhjaya Agama iaitu sehingga tahun 1932 kerana struktur Pejabat Agama telah di-

<sup>78</sup> *Ibid.*

<sup>79</sup> *Ibid.*, Encl. no. 5, J.W. Simmons kepada Amery, 10 May, 1925.

<sup>80</sup> *Ibid.*, Humphreys kepada Beckett, 22 April, 1929.

<sup>81</sup> BAT. 42/1936, Setiausaha Agama kepada Setiausaha Kerajaan, 7 Januari, 1936.



rombak oleh Dato Amar Diraja.<sup>82</sup> Setelah struktur pejabat itu disusun kembali, Menteri Besar telah merangkap jawatan Pesuruhjaya Agama.

Dato Amar boleh dianggap sebagai seorang tokoh pentadbir yang paling penting dan berpengaruh dalam sejarah negeri Terengganu. Sejak menjadi Setiausaha Sulit kepada sultan dari tahun 1909 hingga 1919, Dato Amar atau Haji Ngah telah memperlihatkan kebolehnya sebagai seorang pentadbir yang bijak. Kecekapan dan kebijaksanaan beliau telah menarik perhatian Humphreys yang menulis dalam jurnalnya, "Haji Ngah is a man of great intelligence and audacity who has every reason to dread the advent of a British Adviser." Haji Ngah telah disifatkan sebagai "a typical priest."<sup>83</sup> Beliau pernah dilantik sebagai pemangku jawatan Menteri Besar dari tahun 1915 hingga 1919. Pada tahun 1920 akibat dari krisis istana yang berlaku di Terengganu, beliau telah diketepikan oleh Sultan Muhammad II. Bagaimanapun beliau dilantik menjadi Menteri Besar pada zaman pemerintahan Sultan Sulaiman.

Pada tahun 1932 sewaktu diadakan perubahan pada struktur pentadbiran Pejabat Agama dan keadilan, Haji Ngah diamanahkan merangkap jawatan Pesuruhjaya. Dengan pengalamannya yang luas dalam pentadbiran, beliau telah membuat banyak perubahan pada struktur pentadbiran pejabat. Perlantikan ini juga menetapkan buat pertama kali tugas-tugas Pesuruhjaya Agama. Fungsi institusi ini selain dari bertanggungjawab kepada sultan untuk mentadbirkan perjalanan Pejabat Agama, ia juga berkuasa atas perkara-perkara berhubung dengan nikah kahwin khususnya mengenai masalah wali raja, menerima saksi-saksi atas perkara berkaitan dengan agama dan melantik wakil-wakil yang boleh mengeluarkan zakat serta fitrah.<sup>84</sup> Dengan perubahan baru itu Dato Kamal Wangsa telah dilantik sebagai mufti. Buat pertama kali juga, seorang setiausaha Pejabat Agama dilantik. Orang yang mengisi jawatan itu ialah Haji Awang bin Khatib.

Dua tahun selepas itu Haji Awang ditugaskan ke Kuala Brang untuk menjawat jawatan Pegawai Daerah iaitu sebagai pegawai kelas II dengan gaji sebanyak \$200 sebulan. Walaupun bertugas sebagai pegawai daerah, Haji Awang masih tetap memegang jawatan setiausaha Pejabat Agama. Namun begitu Che Da Abdul Rahim telah dilantik sebagai setiausaha sementara bagi menampung tugas-

---

<sup>82</sup>JMB. Trg. 459/1350. Setiausaha Kerajaan kepada Menteri Besar, 28 Syaaban, 1350.

<sup>83</sup>HCO. 232/1919, Humphreys kepada Sec. H.C., 3 March, 1919, encl. (1).

<sup>84</sup>*Ibid.*

tugas yang bertambah di Pejabat Agama, setelah cadangan perlantikan tersebut diluluskan di Majlis Mesyuarat Kerajaan.<sup>85</sup>

Suatu perkara yang menarik perhatian pada waktu ini ialah perselisihan pendapat yang timbul di antara Penasihat British dengan pihak pegawai Melayu Terengganu, mengenai perlantikan Che Da Abdul Rahim sebagai setiausaha (sementara). Nampaknya pihak British cuba memasukkan jarum pengaruhnya dalam hal-hwal yang berkaitan dengan agama. Pihak British menganggap perlantikan Che Da sebagai setiausaha di Pejabat Agama disebabkan beliau adalah anak kepada Hakim Dato Biji Sura dan anak menantu kepada Dato Amar, Menteri Besar.

Analisis mengenai fakta-fakta yang ditemui setakat ini berhubung dengan perkembangan intitusi Pajabat Agama menunjukkan banyak perubahan dilakukan hasil dari buah fikiran Che Da Abdul Rahim. Besar kemungkinan perkembangan ini telah menimbulkan semacam perasaan kurang senang pada Penasihat British.

Peranan utama yang dilaksanakan oleh Che Da Abdul Rahim ialah menggalakkan perkembangan pelajaran agama di Terengganu. Beliau menyokong cadangan Pesuruhjaya Jajahan Timur Kemaman, Mohamad bin Khalid supaya kerajaan mengadakan seorang guru agama yang boleh mengajar pelajaran agama di tiga buah tempat iaitu di Kerteh, Kemasik dan Kijal.<sup>86</sup> Kekurangan guru agama di sekolah-sekolah Melayu pada masa itu begitu ketara dan permintaan terhadapnya dijangka boleh mengatasi kekosongan guru agama di jajahan Kemaman. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri meluluskan cadangan itu pada 1 Julai, 1935.

Untuk melicinkan lagi pentadbiran di Mahkamah Kadi, pada bulan Mac, 1936, Che Da Abdul Rahim mencadangkan supaya perkara-perkara yang ada berkaitan dengan Mahkamah tersebut hendaklah diuruskan melalui Pejabat Agama.<sup>87</sup> Beliau menekankan bahawa hubungan rapat patut dijalin di antara Mahkamah Kadi dengan Pejabat Agama memandangkan hubungan yang selalu diadakan di antara kedua-dua institusi itu, khususnya mengenai keperluan pihak Mahkamah mendapatkan fatwa-fatwa Mufti. Kiranya kedua-dua pejabat itu digabungkan maka segala anggaran gaji serta perbelanjaan pejabat Kadi boleh diuruskan oleh pihak Pejabat Agama. Dua hari selepas itu Penasihat British, J.E. Kempe,

---

<sup>85</sup>BAT. 1292/36, Minit, N. R. Jarret, 6 September, 1936. Sebelum memegang jawatan Setiausaha Sementara, Pejabat Agama, beliau telah bertugas sebagai seorang kerani kelas II di Mahkamah tinggi dan memangku jawatan Pendaftar Mahkamah Rayuan dan juga menjadi Pemeriksa Baitulmal.

<sup>86</sup>BAT. 696/36, Setiausaha Agama kepada Setiausaha Kerajaan, 14 Zulkaedah, 1353. Lihat juga SUK. Trg. 1164/54, Memo. Pemangku Ketua Pelajaran Terengganu kepada Setiausaha Agama.

<sup>87</sup>BAT. 696/36, Setiausaha Agama kepada Setiausaha Kerajaan, 24, Mei, 1936.

menjelaskan rasa tidak puas hatinya terhadap cadangan itu serta menyatakan tidak bersetuju kerana ia dianggap sebagai sesuatu yang pelik kerana pada pandangannya pihak Pejabat Agama hendak memerintah mahkamah dalam membuat keputusannya. Justeru itu beliau mengesyorkan supaya mahkamah kadi itu patut ditutup.<sup>88</sup> Sehubungan dengan hal ini Dato Menteri Besar menafikan tuduhan yang mengatakan bahawa Ketua Pejabat Agama "hendak memerintah atau membuat keputusan Mahkamah."<sup>89</sup> Menurut Dato Menteri Besar, tujuan cadangan itu ialah semata-mata untuk menyejajarkan unit-unit pentadbiran agama berlandaskan kepada kelaziman hubungan di antara kedua-dua pejabat itu. Beliau menegaskan bahawa sekiranya Kempe berpendapat cadangan itu tidak perlu, maka tidaklah wajar diadakan apa-apa perubahan lagi. Walau bagaimanapun, akhirnya cadangan itu terlaksana juga sungguhpun alasan-alasan yang dikemukakan itu masih tidak memuaskan hati pihak British.

Memandangkan kedudukan institusi-institusi agama seperti masjid dan surau tidak berapa terkawal sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, mengenai keadaan pada tahun-tahun 1930 an, Che Da Abdul Rahim telah mencadangkan kepada Setiausaha Kerajaan supaya suatu peraturan patut diadakan bagi masjid dan surau di Terengganu.<sup>90</sup> Berikutnya suatu peraturan digubal menetapkan tugas-tugas imam, khatib, bilal dan pelayan masjid. Peraturan itu juga menjelaskan perkara-perkara berhubung dengan soal pembinaan masjid, pendidikan agama yang dijalankan di institusi-institusi tersebut. Peraturan tersebut telah menetapkan bahawa Setiausaha Pejabat Agama berkuasa atas segala perkara yang berkait dengan masjid, surau dan pegawai-pegawai yang berkait dengannya. Memandangkan hakikat bahawa peraturan itu agak panjang lebar, Kempe mencadangkan supaya peraturan itu diringkaskan atas alasan bahawa peraturan yang panjang tidak mudah dilaksanakan apalagi hendak dibaca oleh orang ramai.<sup>91</sup> Selain dari itu mesyuarat kerajaan mengesyorkan supaya diadakan juga undang-undang untuk mengawal orang Islam yang tidak berpuasa pada bulan Ramadan serta perkara-perkara penting yang berkait dengan agama Islam.

Berikutan dengan syor yang dibuat oleh Mesyuarat kerajaan, satu perubahan lagi telah dilakukan ke atas institusi Baitul Mal. Sebuah pejabat baitul mal telah pun didirikan di Terengganu sejak 1919. Oleh kerana terdapat kelonggaran pada perjalanan institusi itu maka kutipan harta baitul mal tidak dapat berjalan dengan

<sup>88</sup> *Ibid.*, Minit Kempe kepada Menteri Besar, 15 September, 1936.

<sup>89</sup> SUK. Trg. 294/55. Menteri Besar kepada Setiausaha Kerajaan, t. th.

<sup>90</sup> BAT. 1106/1936, Setiausaha Agama kepada Setiausaha Kerajaan, t. th.

<sup>91</sup> *Ibid.*, J.E. Kempe kepada Menteri Besar, 15 September, 1936.

lancar. Justeru itu Che Da Abdul Rahim telah membentangkan dalam Mesyuarat Kerajaan bahawa kelemahan yang terdapat dalam sistem pengumpulan harta pusaka dan baitul mal yang sedang diamalkan di Terengganu pada masa itu boleh dikemaskinikan dengan mengadakan undang-undang yang tetap bagi pengurusannya.<sup>92</sup> Beliau menegaskan bahawa kerajaan negeri Johor telah pun meluluskan suatu undang-undang baitul mal sebagai Enakmen No. 136 dan telah berjaya menyatukan sistem kumpulan harta orang yang mati tanpa waris di negeri itu.<sup>93</sup> Pada bulan September, 1937, Pejabat Agama mencadangkan bahawa sudah sampai masanya kerajaan negeri mengadakan suatu undang-undang baitul mal sepertimana yang terlaksana di Johor dengan mengadakan sedikit pindaan untuk disesuaikan dengan masyarakat Melayu di Terengganu.

Untuk melaksanakan pentadbiran baitul mal di Terengganu suatu Undang-undang baitul mal telah digubal<sup>94</sup> supaya tidak timbul kekeliruan mengenai pengertian istilah. Undang-undang itu menjelaskan terlebih dahulu takrif istilah. Istilah-istilah penting seperti "pesaka", "bahagian pesaka", "waris" dan sebagainya telah dihuraikan. Penguasaan baitul mal adalah di bawah seorang nazir. Beliau dibantu oleh seorang bendahari serta beberapa orang kakitangan rendah yang lain. Dijelaskan juga bahawa pegawai yang hendak bertugas di baitul mal mestilah beragama Islam dan segala arahan kerja berpunca dari nazir. Beliau berhak mendakwa sesiapa sahaja di mahkamah atas sebarang penyalahgunaan harta baitul mal yang sewajarnya berasaskan kepada hukum syarak dan juga mestilah mendapat persetujuan sultan.

Pada umumnya undang-undang itu merujuk kepada kuasa dan perlaksanaannya memerlukan persetujuan sultan. Undang-undang itu telah diluluskan pada 20 Oktober, 1937 dan dikenal sebagai Enakmen No. 370/1356.<sup>95</sup>

Pihak British telah juga mempersoalkan perubahan dalam tugas-tugas Pemeriksa Agama pada tahun 1938.<sup>96</sup> Sebelum ini juga tugas mendakwa dijalankan oleh kerani Pejabat Agama bagi pihak Mahkamah Kadi. Setiausaha Pejabat Agama menjelaskan bahawa cadangan dalam rang undang-undang Mahkamah

<sup>92</sup>SUK. Trg. 632/55, "Peraturan Bagi Masjid dan Surau-surau Terengganu."

<sup>93</sup>JMB. Trg. 460/56, Setiausaha Kerajaan kepada Menteri Besar, 1. September, 1936.

<sup>94</sup>Lihat, "Undang-undang Baitul Mal Negeri Terengganu".

<sup>95</sup>JMB. Trg. 460.56, Minit. Menteri Besar Bil. 119.56, 20 Oktober, 1937.

<sup>96</sup>BAT. 1186/1938, Setiausaha Agama kepada Setiausaha Kerajaan, 20 Oktober, 1938.

Syariah mengandungi kuasa mendakwa diberikan kepada Pemeriksa Agama atas kesalahan berkenaan dengan agama di bawah fasal 72(iv) cerai (d) Undang-undang Peraturan Jenayah Bil. 32/1356. Oleh kerana undang-undang Mahkamah Syariah itu belum lagi diluluskan, Che Da Abdul Rahim meminta supaya pertimbangan dari pihak Majlis Mesyuarat Negeri supaya meluluskan perlantikan Pemeriksa Agama sebagai pendakwa bagi Pejabat Agama atas perkara-perkara yang ada hubungan dengan Peraturan Mahkamah Kadi Bil 2/1348 dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-ehwal agama Islam.

Perkembangan perundangan dan pentadbiran di atas telah mendapat perhatian dari Penasihat British, A.E. Coope yang menulis kepada Dato Amar Menteri Besar pada 10 November, 1938 menyatakan bahawa beliau tidak faham dengan maksud cadangan Che Da Abdul Rahim itu. Lantas beliau mengulas untuk menafikan keperluan melantik seorang pendakwa dengan kata-kata: "Nampaknya tidak ada sebab yang patut diadakan pendakwa kerana peraturan 2/48 itu, sebab peraturan itu ada berkenaan dengan perselisihan laki bini sahaja iaitu nafkah dan lain-lain."<sup>97</sup> Che Da menjawab: 1) walaupun peraturan bil. 2/48 itu berkait dengan hal laki bini tetapi syarat 3 dan 7 dalam peraturan itu menjelaskan bahawa kiranya ada sesiapa yang ingkar tidak mahu menurut hukuman Kadi maka pihak Kadi boleh dan berkuasa menghantar kes itu kepada majisteret yang boleh mengeluarkan saman atau waran tangkap yang dengan sendirinya bermaksud pihak kadi akan menjadi pihak yang mendakwa; dan 2) kiranya didapati sesiapa yang telah dipanggil hadir oleh pihak kadi di mahkamah tetapi orang itu tidak menghadiri diri, maka dengan sendirinya ia telah melakukan kesalahan jenayah di bawah seksyen 174 "Penal Code". Oleh itu pihak Mahkamah Kadi sekali lagi bernak menjadi pendakwa.

Masalah yang timbul ialah sebelum ini orang yang dijadikan pendakwa bagi pihak Mahkamah Kadi ialah berjawatan kerani di Pejabat Kadi. Setelah diwujudkan jawatan Pemeriksa Agama, maka setiausaha Pejabat Agama itu mencadangkan supaya tugas-tugas mendakwa hendaklah diserahkan kepada Pemeriksa Agama sebagaimana yang telah dilaksanakan di negeri Johor.<sup>98</sup>

Penasihat British sekali lagi mengatakan kesangsian terhadap jawapan Che Da Abdul Rahim dan Penasihat itu tidak nampak kelebihan mengadakan seorang pendakwa dari Pejabat Agama untuk mendakwa bagi pihak Pejabat Kadi. Beliau berpendapat kiranya kes telah dibawa di pihak majistret maka kes itu telah menjadi urusan polis. Beliau sebenarnya tidak bersetuju dengan rancangan Setiausaha Pejabat Agama membenarkan Pemeriksa

<sup>97</sup> *Ibid.*, Minit A.E. Coope kepada Menteri Besar, 10 November, 1938.

<sup>98</sup> *Ibid.*, Minit Setiausaha Agama, 1 Disember, 1938.

Agama menjalankan pendakwaan dalam perkara di bawah fasal 174 Penal Code itu. Beliau meletakkan syarat bahawa kiranya Pemeriksa Agama masih terus dilantik untuk menjadi pendakwa dalam Mahkamah Majistret maka pemeriksa itu mestilah lulus terlebih dahulu dalam peperiksaan Undang-undang Peraturan Jenayah sebagaimana yang dilakukan oleh inspektor polis. Beliau juga mencadangkan supaya Pejabat Agama memajukan pertanyaan kepada Jabatan Agama Johor mengenai hal ini.<sup>99</sup>

Yang Dipertua Jabatan Agama Johor, Ahmad bin Awang pada 25 Januari, 1939 menjawab bahawa Johor telah pun mengadakan Pemeriksa Agama mengikut Sekeyen 380, Undang-undang Jenayah Johor dan sepanjang pengetahuannya pegawai-pegawai itu telah menjalankan tugas mereka dengan cemerlang.<sup>100</sup>

Akhirnya Penasihat British bersetuju supaya pihak Pejabat Agama mengikut peraturan-peraturan yang telah dijalankan di Johor khususnya mengenai kesalahan di bawah Mahkamah Syariah sahaja tetapi beliau tidak bersetuju dengan cadangan supaya Pemeriksa Agama itu menjadi pendakwa dalam Mahkamah Majistret.

Perbincangan di atas menunjukkan bagaimana pihak British cuba mencampuri hal-ehwal pentadbiran agama Islam di negeri Terengganu. Perlaksanaan perundangan Islam di Mahkamah Majistret telah diketepikan berpunca dari dasar memisahkan kes-kes jenayah dari hukum syarak. Pihak British menganggap pegawai-pegawai Melayu pada masa itu tidak berkelayakan untuk menjalankan tugas guaman sepertimana yang terdapat dalam Mahkamah Majistret. Majlis Mesyuarat kerajaan pula mendengar nasihat Coope dengan meluluskan perlantikan Pemeriksa Agama supaya menjadi pendakwa bagi Mahkamah Kadi dan Pejabat Agama sahaja pada 22 Februari, 1939. Pada bulan Mei, 1939, Ahmad bin Omar, Syed Idros bin Abdullah al-Habsi dan Haji Kassim bin Mohamad telah dilantik oleh sultan menjadi Pemeriksa-pemeriksa Agama.<sup>101</sup>

Perkembangan pentadbiran agama di Terengganu menjelang Perang Dunia Kedua menampakkan perselisihan di antara pegawai-pegawai Melayu dengan pihak British berpunca dari percubaan pihak British untuk campurtangan dalam pentadbiran hal-ehwal agama Islam di Terengganu. Sepanjang sejarahnya perkembangannya, khususnya pada tahun-tahun 1930 an, nampaknya Pejabat Agama menghadapi cabaran-cabaran dari pihak Penasihat British yang enggan memahami hakikat perubahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu-Islam. Keputusan-keputusan yang dibuat

<sup>99</sup>*Ibid.*, Minit A.E. Coope, 11 Disember, 1938.

<sup>100</sup>*Ibid.*, encl. (A1), Salinan surat Yang Dipertua Jabatan Agama Johor, 6 Februari, 1939.

<sup>101</sup>*Ibid.*

di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan berkaitan dengan pentadbiran agama menampakkan kematangan pegawai-pegawai Melayu-Islam, khususnya Dato Amar yang bertindak sebagai Pesuruhjaya Hal-ehwal Agama dan Keadilan.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1912 sehinggalah menjelang 1939, institusi pentadbiran agama di Terengganu telah mengalami berbagai-bagai perubahan yang menakjubkan. Sebagai sebuah institusi pentadbiran yang menjadi benteng terakhir kekuasaan raja-raja Melayu, terutama sekali pada zaman Terengganu diperintah oleh Inggeris, institusi pentadbiran agama di Terengganu masih dapat mengekalkan kewibawaannya, walaupun kadangkala ianya tercabar juga oleh kegelojohan pemerintah yang sentiasa menagih kuasa. Walaupun pada peringkat awalnya institusi pentadbiran agama ini seolah-olah terbiar dan dibenarkan menjalankan fungsinya bagi memenuhi kepentingan umat Islam di Terengganu, namun, menjelang tahun 1920-an, fungsi itu telah berubah sama sekali.

Kebangkitan kaum tani di Terengganu pada tahun-tahun 1920 an menyebabkan kerajaan Inggeris terpaksa mendapatkan kerjasama dari institusi pentadbiran agama ini untuk menyelesaikan krisis yang timbul waktu itu. Perkembangan di sekitar tahun 1920 an itu dengan jelas menunjukkan betapa tidak berdayanya pihak Inggeris menghadapi krisis penentangan kaum tani di Ulu Terengganu, tanpa mendapat sokongan serta kerjasama dari pihak Jabatan Agama. Sebagai institusi pentadbiran yang penting, di negeri yang suatu ketika begitu kuat mengamalkan prinsip prinsip agama Islam dalam pentadbirannya, maka mahu tidak mahu, pihak Inggeris terpaksa mengakui bahawa Jabatan Agama mempunyai keupayaan untuk menjadi agen perantaraan antara pihak kerajaan dengan gerombolan petani. Dalam proses melaksanakan fungsinya sebagai sebuah institusi pentadbiran kerajaan, maka institusi pentadbiran agama ini terpaksa mematuhi kehendak pemerintah, walaupun pada idealnya, sebilangan dari "personnelnya" yang menjalankan tugas mentadbir institusi itu, kurang senang dengan dasar yang diamalkan.

Menjelang hujung tahun 1930-an, sekali lagi institusi pentadbiran agama ini terpaksa berhadapan dengan segelintir kecil pegawai British yang terlalu *over zealous* yang cuba menjalankan dasar pentadbiran yang kadangkala melewati batas kuasa yang ada pada mereka, khususnya yang menyentuh hal agama dan adat Melayu. Kemajuan serta *raison d'etre* Jabatan Hal-ehwal Agama Terengganu khususnya pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua boleh dikatakan banyak sekali bergantung kepada inisiatif serta pengorbanan pegawai tadbir Melayu Terengganu yang berazam untuk mengekalkan sedikit lagi kuasa yang ada pada orang Melayu.